

Peraturan baru ekonomi dunia makin mendesak — Dr. M

UM 22 APR 1983
SRI LANKA 21 APR 1983

— Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan malam ini bahawa keperluan diwujudkan peraturan baru ekonomi antarabangsa semakin mendesak sekarang demi kepentingan negara-negara sedang membangun.

Perdana Menteri, yang tiba di sini tengah hari tadi untuk lawatan rasmi empat hari berkata: Negara-negara sedang membangun menghadapi kesulitan berikutan harga rendah barangan keluaran utama mereka.

“Serentak itu beliau mengajak negara-negara itu bersama-sama Malaysia memperkukuhkan kerjasama ke arah meningkatkan kuasa berbilang dan melindungi hak mutlak mereka bila berhadapan dengan negara-negara maju.

Berucap di majlis malam meraihan beliau yang diberikan oleh Presiden J.R. Jayewardene, di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian: “Malaysia tidak setuju dengan syarikat-syarikat besar di

dunia kerana kegiatan mereka memanipulasi harga barangan utama dunia”.

Perdana Menteri gem-bira kerana Malaysia dan Sri Lanka senantiasa bekerjasama terutamanya dalam isu-isu yang melibatkan pasaran barangan utama.

“Sebagai pengeluar kepada beberapa barangan utama kedua-dua negara menghadapi masalah yang sama dalam mendapatkan harga yang berpatutan di pasaran dunia”, tegasnya.

Beliau memberi contoh Persatuan Pengeluar Timah sebagai pertubuhan yang anti syarikat-syarikat besar dan persatuan itu bertujuan menjamin perniagaan bebas dan adil.

Dalam hubungan ini, tambahnya, pertubuhan itu bukanlah hendak menjadikan dunia ini sebagai tebusan tetapi sebaliknya untuk memberi faedah dan kepentingan kepada negara-negara pengeluar.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi tentang perlunya negara-negara sedang membangun

berusaha ke arah dialog selatan-selatan.

“Malaysia senantiasa sedia bekerjasama dengan rakan-rakan daripada negara-negara sedang membangun bagi mencapai matlamat ini”, tambahnya.

Dalam hubungan ini, katanya lagi, Malaysia telah melancarkan rancangan kerjasama teknikal di dalam 1980 di dalam bidang-bidang di mana ia mempunyai kepakaran dan pengalaman yang boleh membantu negara-negara sedang membangun yang lain.

Perdana Menteri kemudian menawarkan bantuan yang terdaya diberikannya untuk faedah Sri Lanka dan di samping itu mengalu-alukan sebarang kepakaran yang dapat ditawarkan oleh negara itu kepada Malaysia.

Di samping itu beliau juga menyatakan sokongannya kepada usaha Sri Lanka untuk menyampaikan kepada persidangan Bangsa-Bangsa Berdaulat mengenai pelaksanaan pengisytiharan Lautan Hindi sebagai zon aman.

Di rantau Asia Tenggara pula, Pengisytiharan Kuala

Lumpur bagi zon aman, bebas dan berkecuali yang telah dilancarkan menghadapi halangan dari segi konsepnya berikutan dengan pendudukan Vietnam di Kampuchea.

Bagaimanapun, katanya, adalah menjadi matlamat negara-negara rantau ini mahukan tentera Vietnam keluar dari Kampuchea dan membenarkan rakyat Kampuchea menentukan masa depan mereka tanpa campurtangan kuasa luar.

Penubuhan Kerajaan Demokratik Kampuchea di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk adalah merupakan langkah positif ke arah menyelesaikan masalah itu.

Perdana Menteri juga sekali lagi menegaskan pendirian Malaysia yang membantah pendudukan Vietnam di Kampuchea dan pelanggaran mereka ke wilayah Thai yang menyebabkan kematian dan kecederaan kepada tentera dan orang awam Thai.

Tindakan Vietnam di sepanjang sempadan Thai-Kampuchea boleh membawa kepada penglibatan kuasa-kuasa besar yang seterusnya mencetuskan peperangan di rantau ini, katanya.

“Malaysia mahu masyarakat antarabangsa berganding bahu menggesa

Vietnam memberhentikan tindakan ketenteraannya di sepanjang sempadan berkeajaan dan keluar dari Kampuchea”, tegas beliau.

Beliau juga menyentuh mengenai keadaan di Afghanistan dan nasib orang-orang Palestine, masing-masing melibatkan kuasa-kuasa luar, Soviet Union dan Israel.

Di samping itu beliau menarik perhatian bahawa pertukaran lawatan yang diadakan di antara kedua-dua buah negara dari masa ke semasa telah mengeratkan hubungan keduanya.

Beliau juga menegaskan perlunya kedua buah negara mempereratkan hubungan mereka ke arah memperkuatkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Sri Lanka.